



Budaya berkelah pererat perpaduan

MUSIM panas di England membolehkan kita melihat senario yang 'biasa' di negara kita sepanjang tahun, tetapi 'jarang' berlaku di negara empat musim. Aktiviti kegemaran kebanyakan masyarakat tempatan di sini ketika musim panas adalah berkelah dan berkhemah.

Berkelah misalnya menjadi amalan biasa masyarakat berhawa panas seperti Malaysia terutama di pantai peranginan pada bila-bila masa yang diinginkan dalam setahun. Namun di negara empat musim yang sejuk, mereka hanya berpeluang untuk berkelah ketika musim panas misalnya pada Ogos.

Oleh itu, tidak hairanlah jika musim panas adalah musim yang ditunggu-tunggu supaya mereka dapat bersama-sama ahli keluarga dan kawan-kawan untuk berkelah. Asal perkataan berkelah atau 'picnic' ialah dari Barat yang menjelaskan mengenai sekumpulan individu menikmati makanan bersama-sama di restoran tetapi membawa minuman mereka sendiri.

Selain itu, berkelah juga memberi konotasi yang setiap ahlinya mempunyai sumbangan mereka tersendiri dengan membawa makanan untuk dikongsi bersama. Dalam dunia kontemporari hari ini, berkelah boleh didefinisikan sebagai acara di tempat terbuka terutama di tempat yang mempunyai pemandangan cantik seperti taman, tasik atau persembahan kesenian bersifat outdoor (luaran).

Di Barat, pastinya acara seperti ini hanya dapat dijalankan di tempat umum secara terbuka pada musim panas kerana pada musim sejuk, cuaca amat sejuk dan ketika musim lain seperti musim bunga atau musim luruh, selain sejuk selalunya hujan membatasi kegiatan luaran masyarakatnya.

Dari segi praktiknya, masyarakat di Barat amat menghargai cahaya matahari yang memancar terik sepanjang musim panas. Justeru, mereka akan membersihkan kawasan laman belakang rumah dan menghiasinya dengan pelbagai bunga-bunga dan tumbuhan hijau, ditambah pula aksesori seperti meja dan kerusi untuk berkelah.

Konsep ini mungkin agak jarang didengari di Malaysia. Berkelah kepada kebanyakan kita adalah aktiviti makan-makan di tepi pantai dan tempat rekreasi. Malah, berkelah juga tidak dilihat sebagai kegiatan yang begitu berharga seperti di sini kerana kita mempunyai cuaca panas dan cantik sepanjang tahun.

Mereka di sini hanya mempunyai lebih kurang empat bulan musim panas yang tidak pula semestinya dipancarkan cahaya matahari sepanjang bulan. Akhir-akhir ini, cuaca di Nottingham agak kerap menerima hujan. Mendung pada mereka ialah 'cuaca yang kurang cantik' dalam musim panas walaupun bagi kebanyakan kami di sini, cuaca panas pada musim panas yang kering di UK adalah lebih perit daripada panas di Malaysia yang lembap.

Dalam hal ini, masyarakat tempatan melihatnya sebagai satu peluang untuk berkelah yang harus sama-sama diraikan bersama keluarga dan teman. Dalam musim panas ini, dapat dilihat di kedai pakaian misalnya, pelbagai baju dan kasut dari kain yang lebih nipis dan warna terang serta menyala seperti merah, kuning, merah jambu dan hijau dijual.

Kebanyakan mereka yang berpakaian mengikut musim juga akan dilihat berpakaian berwarna cerah, menceriaikan musim panas di England. Pada musim sejuk pula, mereka akan berpakaian gelap, selain bertujuan menyerap haba juga seolah-olah melambangkan 'kesuraman' musim sejuk yang malap dan kurang mendapat cahaya matahari pada waktu siang.

Musim panas juga membolehkan kita melihat banyak produk berkaitan dijual seperti bakul untuk berkelah, peralatan seperti tikar berwarna warni, pinggan dan cawan plastik, aksesori untuk

perhiasan taman seperti patung berbentuk burung, cendawan dan pelbagai lagi seumpamanya.

Selain itu, turut mendapat perhatian ialah buku berkaitan resepi pada musim panas yang kebanyakannya berteraskan makanan segar dan sejuk seperti sandwich sejuk, daging yang dimasak dan disejukkan, salad, puding, aiskrim dan buah-buahan. Makanan jenis ini bertujuan menyejukkan badan daripada bahang matahari terik.

Konsep berkelah ini sebenarnya menarik jika dilihat betapa masyarakat di sini menghargainya. Dari situ, jika kita dapat melihat kebaikan berkelah untuk merapatkan hubungan kekeluargaan serta dengan sanak saudara dan sahabat handai, maka ia boleh menjadi satu budaya yang berfaedah.

Sungguhpun begitu, tidak dinafikan ada di kalangan masyarakat Barat menggunakan musim panas sebagai peluang untuk berparti di luar, yang kadang-kala agak liar (selain di kelab hiburan seperti pada musim-musim lain) kerana faktor cuaca yang membenarkan.

Nyata itu bukanlah sesuatu yang boleh dicontohi. Namun, tidak salah kita mengambil konsep piknik dalam definisi yang lebih luas ini dan membawanya dalam acuan Malaysia. Bagi rumah yang berhalaman luas, ahli keluarga dan sanak saudara boleh dijemput bersama-sama untuk berkelah.

Untuk tidak membebankan tuan rumah, kita boleh mula mengamalkan acara ini secara 'potluck' atau setiap mereka yang datang akan membawa makanan bersama-sama untuk dikongsi. Dalam konteks ini, 'ruang' yang diberikan oleh tuan rumah yang pastinya berusaha menyediakan 'pemandangan' yang indah kepada tetamunya diucapkan terima kasih dengan cara berkongsi makanan.

Nampaknya, tuan rumah tidak perlu bersusah payah menyediakan makanan yang banyak untuk tetamunya kerana konsep berkongsi makanan tadi. Di sini, silaturahim dan muhibah masih dapat terjalin tanpa perlu perbelanjaan besar dan tenaga yang banyak di pihak tuan rumah seperti yang kerap berlaku dalam acara kenduri besar-besaran.

Namun, perlu difahami juga di sini, kita tidak boleh menolak terus konsep kenduri yang perlu untuk tujuan bersedekah dan tujuan keagamaan yang berkaitan. Dengan meluaskan konsep 'berkelah berbanding hari ini di Malaysia, selain belajar mula menghargai cuaca indah Malaysia, mungkin kita dapat maju setapak lagi dalam usaha mengeratkan perpaduan.

Jiran tetangga berlainan bangsa boleh dijemput pada hujung minggu dan mereka boleh membawa makanan mereka sendiri. Nyata kadang-kala kita kurang mahir dengan resepi bangsa berbeza di Malaysia serta cara memasaknya. Ruang berkomunikasi dan peluang berkenalan dalam berkelah itulah yang lebih berharga dalam konteks ini.

Di Malaysia, peluang ini wujud sepanjang tahun, kecuali ketika hujan lebat. Tambahan lagi ramai antara kita yang sudah mampu membeli rumah dengan halaman luar yang luas. Jika tidak pun, acara sebegini masih boleh dilakukan di taman umum yang tidak berbayar.

Namun, jika konsep ini tidak diperluaskan, kita mungkin tidak akan begitu menghargai cuaca panas yang indah di Malaysia seperti warga tempatan di negara Barat selain menikmati faedah berkelah. Berkelahlah untuk silaturahim serta perpaduan dan pada masa sama, tidak membebankan tuan rumah.